



UNSUR-UNSUR POLITIK DALAM TUHFAT AL-NAFIS

[POLITICAL ELEMENTS IN TUHFAT AL-NAFIS]

ANNUAR RAMADHON KASA¹ & RAJA HISYAMUDIN RAJA SULONG^{1*}

^{1*} Graduan Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA. e-mel: adanmmmk27@gmail.com

² Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.

E-Mail: r_hisyamudin@um.edu.my

Received: 19 March 2021

Accepted: 20 May 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: Raja Ali Haji merupakan seorang tokoh polymath yang terkenal di Alam Melayu pada abad ke-19M. Tuhfat al-Nafis merupakan salah satu karya Raja Ali Haji yang berkisarkan sejarah raja-raja Melayu dan Bugis. Tidak dapat dinafikan bahawa Tuhfat al-Nafis mempunyai pelbagai keistimewaan dan salah satunya ialah konsepsi sejarah Tuhfat al-Nafis yang luas dan padat. Keistimewaan ini telah mewujudkan pelbagai elemen-elemen lain termasuklah politik. Justeru, perbincangan ini akan menyoroti unsur-unsur politik yang terdapat di dalam Tuhfat al-Nafis. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode dokumentasi bagi mengumpul data dan analisis kandungan bagi kaedah menganalisis data. Tuhfat al-Nafis hasil transliterasi oleh Virginia Matheson Hooker, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan pada tahun 1998 telah digunakan untuk kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya 7 unsur-unsur politik di dalam Tuhfat al-Nafis seperti perang saudara, hubungan diplomatik, musyawarah dan sumpah setia.

Kata Kunci: Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis, unsur-unsur politik.

Abstract: Raja Ali Haji was a prominent polymath figure in Malay Archipelago on 19AD. Tuhfat al-Nafis was one of Raja Ali Haji's work which contain the history of Malay and Bugis kings. One of Tuhfat al-Nafis privilege is the extensive historical conception which had provided various elements including politics. Thus, this article endeavours to review political elements found in Tuhfat al-Nafis. This study is a qualitative study that applies the technique of documentation in collecting data and content analysis for analyzing data. The main book of Tuhfat al-Nafis used in this study was Karya Agung: Tuhfat al-Nafis which had been transliterated by Virginia Matheson Hooker and published on 1998 by Dewan Bahasa dan Pustaka and Yayasan Karyawan. The finding indicates that there were at least 7 significant political elements found in Tuhfat al-Nafis such as civil war, diplomatic relation, musyawarah and oath of allegiance.

Keywords: Raja Ali Haji, Tuhfat al-Nafis, political elements

Cite This Article:

Annuar Ramadhon Kasa & Raja Hisyamudin Raja Sulong. (2021). Unsur-unsur politik dalam *Tuhfat al-Nafis* [Political elements in Tuhfat al-Nafis]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(2), 15-29.

PENGENALAN

Perkataan politik sebenarnya berasal daripada bahasa Yunani iaitu “*polis*” yang merujuk kepada bandar-bandar atau negara-bandar (Syed Ahmad Hussen, 1994: 2). Menurut Marzuki, 2019: 72), politik memberi gambaran tentang pengaturan, pemerintahan dan pengendalian ahli negara secara komprehensif dengan penuh kebijaksanaan. Manakala politik Islam menurutnya merujuk kepada segala gambaran tersebut dengan berdasarkan lunas-lunas Islam. Bagi Ibnu Qayyim (Ghazali, 2012: 4) pula, politik adalah proses mencapai keadilan.

Menurut Ghazali Mat Taib (2012: 4), negara adalah asas utama bagi makna politik yang sebenar dan hanya dipisahkan oleh rujukan serta perlaksanaannya menurut kecenderungan masing-masing. Politik juga adalah satu aktiviti yang melibatkan pentadbiran sesebuah negara dan persaingan untuk mempertahankan dan mendapat kuasa (Abdul Ghafar, 2005: 14). Oleh itu, politik melibatkan interaksi di antara pemerintah dan masyarakat dalam proses pembuatan dan perlaksanaan keputusan. Interaksi ini melahirkan sejumlah tokoh-tokoh politik yang berwibawa agar segala pengendalian, pengaturan, pemerintahan dan perlaksanaan sesuatu hal dalam negara dapat dibawa ke jalan yang menepati konsep keadilan selaras dengan ajaran Islam. Antara tokoh politik yang masyhur di Alam Melayu ialah Raja Ali Haji yang turut merupakan seorang ulama, pujangga sekaligus negarawan yang menonjol dan disegani dalam Kesultanan Riau-Lingga pada akhir abad ke-19M.

Politik pada pandangan Raja Ali Haji bukan sekadar makna pengekalan dan perebutan kuasa sebaliknya merupakan satu seni mengurus manusia (Khalif Muammar, 2018: 27-28). Dapat dilihat, Raja Ali Haji dalam sebuah karya ketatanegaraannya berjudul *Thamarat al-Muhimmah* sangat menekankan peri pentingnya sisi dalaman perintah yang murni sehingga menyenaraikan 14 penyakit batin yang wajib dibasuh oleh raja dan pembesar-pembesar (Wan Mohd Shaghir, 2014: 63-80). Justeru, ianya adalah bertepatan dengan makna politik dalam Islam iaitu sebagai alat bagi mencapai matlamat kebahagiaan hakiki (Khalif Muammar, 2018: 27). Walau bagaimanapun, dalam karya fenomenalnya yakni *Tuhfat al-Nafis*, ianya tidak terhad kepada perbincangan sejarah semata-mata tetapi turut mengandungi unsur-unsur politik dan moral. Oleh yang demikian, artikel ini akan menyoroti elemen-elemen politik yang terdapat dalam *Tuhfat al-Nafis*.

BIOGRAFI RAJA ALI HAJI

Nama lengkap Raja Ali Haji ialah Tengku Haji Ali al-Haj bin Tengku Haji Ahmad bin Raja Haji al-Syahid *fi Sabilillah* bin Opu Daeng Chelak (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2014: 1). Meskipun demikian, beliau lebih dikenali dengan nama Raja Ali Haji dan dilahirkan di Pulau Penyengat Indera Sakti (kini termasuk di dalam wilayah Kepulauan Riau, Indonesia) yang merupakan pusat pemerintahan Johor-Riau-Lingga-Pahang pada tahun 1809M. Keluarga beliau merupakan kerabat diraja Riau-Lingga dan datuk beliau sendiri merupakan Yang Dipertuan Muda Riau ke-IV yang terkenal melalui peristiwa kesyahidannya di Teluk Ketapang (Winstedt (1986: 150) dan Matlob (2002: 40-41) menyebutkan bahawa Raja Haji telah ditembak mati ketika menentang Belanda di Teluk Ketapang dalam keadaan sebelah tangannya memegang badik manakala sebelah lagi memegang kitab *Dala'il al-Khayrat*.

Kesyahidan beliau menyebabkannya telah digelar sebagai Marhum Teluk Ketapang atau Raja Haji fi sabilillah). Ayahnya Raja Ahmad (digelar Engku Haji Tua) berketurunan Bugis yang datang dari negeri Luwu' (terkenal sebagai Opu Bugis Lima Bersaudara) manakala ibunya, Che Hamidah berasal daripada golongan bangsawan Selangor. Tarikh kematian Raja Ali Haji tidak dapat ditemukan dengan tepat kerana tidak wujud sebarang catatan yang dapat dijadikan sandaran khusus. Apa yang pasti, beliau dianggarkan meninggal dunia pada tahun 1873 kerana tiada lagi kegiatan surat-menyurat antara beliau dengan von de Wall (Surat-menyurat antara Raja Ali Haji dan von de Wall yang sangat aktif menggambarkan betapa rapat hubungan di antara kedua-duanya sehingga kegiatan ini menjadi platform bagi Raja Ali Haji menempah buku, membeli senjata daripada von de Wall. Tidak ada lagi surat yang dihantar kepada von de Wall selepas 31 Disember 1872M. Himpunan surat-suratnya boleh dilihat dalam Jan van der Putten dan Al-Azhar (1995). Menerusi surat-surat ini juga, pengkaji mendapati bahawa beliau telah berusaha membangunkan sebuah institusi pendidikan non-formal iaitu pondok di Pulau Pengujaan yang berdekatan dengan Pulau Penyengat di akhir-akhir hayatnya (Surat bertarikh 27 Mac 1867 (Jan van der Putten & Al-Azhar, 1995: 69-70).

Raja Ali Haji mendapat pendidikan awal terutamanya asas-asas agama daripada Raja Ahmad sebelum kemudiannya mendapat pendidikan dari lingkungan istana Kesultanan Riau-Lingga di Pulau Penyengat. Bertitik tolak dari sini, beliau mula mendalami ilmu agama daripada tokoh-tokoh ulama masyhur kerana Pulau Penyengat ketika itu sudah menjadi hub ilmu (Hooker juga menyatakan bahawa pada awal abad ke-19, Pulau Penyengat telah dikenali sebagai "Serambi Mekah" iaitu satu tempat transit masyarakat Islam sekitar kepulauan Riau sebelum berangkat untuk menunaikan Haji di Mekah (Hooker, 1989: 163)) yang terkenal di Nusantara sehingga pelbagai sarjana dan ulama datang dengan tujuan sama ada untuk mengajar serta berdakwah atau menuntut ilmu atau kesemuanya sekaligus. Beliau juga pernah mengikuti rombongan Raja Ahmad ke Betawi pada 1822M dan memanfaatkan peluang tersebut untuk menimba ilmu di sana (Wan Mohd Shaghir, 2014: 2). Ketika mengunjungi Tanah Suci Mekah pada 1828M pula, Raja Ali Haji telah mendalami ilmu Bahasa Arab dan ilmu agama serta sempat belajar dengan Syeikh Daud bin 'Abdullah al-Fatani (seorang alim besar dan sangat berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu di Mekah) dan kemudiannya bersahabat dengan Syeikh Syihabuddin al-Banjari (anak Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari) (Raja Hisyamudin & Bharuddin, 2012: 330).

Raja Ali Haji juga merupakan seorang yang sangat tekun membaca termasuklah beberapa buah kitab dari Mesir yang dipesan melalui von de Wall kepada orang-orang tertentu seperti kitab *Tarikh al-Khamis*, *Syarh al-Zubad*, *Mizan Sya'rani*, dan *Hayat al-Hayawan*. Selain daripada karya-karya itu, Raja Ali Haji turut membaca karya al-Ghazali seperti *Bidayah al-Hidayah*, *Minhaj al-'Abidin*, *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Nasihat al-Muluk* dan karya-karya ulama lain seperti *Umm al-Barahin* karangan al-Sanusi, *Jawharat al-Tawhid* karangan Ibrahim b. Ibrahim b. Hassan al-Lakani (Raja Hisyamudin & Bharuddin, 2012: 330). Hasilnya, beliau berupaya menghasilkan karya dalam beberapa bidang seperti dalam bidang bahasa (*Bustan al-Katibin* dan Kitab Pengetahuan Bahasa), sejarah (*Tuhfat al-Nafis* dan Silsilah Melayu dan Bugis), sastera (Gurindam 12, seperti Syair Suluh Pegawai, Syair Hukum Nikah, Syair Siti Sianah dan Syair Sinar Gemala Mastika Alam) dan ketatanegaraan (*Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi Intizam*). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Raja Ali Haji dianggap sebagai "one of the greatest Malay writers of the 19th Century" oleh Winstedt (Riddell, 2001: 188).

Raja Ali Haji telah berkhidmat sebagai guru agama dan penasihat kepada empat orang Yang Dipertuan Muda (selepas ini disebut YDM sahaja) Riau iaitu YDM Raja Abdul Rahman (1831-1844M), YDM Raja Ali bin Raja Jaafar (1844-1857M), YDM Raja Haji Abdullah (1857-1858M) dan YDM Raja Muhammad Yusuf (1858-1899M). Atas kapasiti kelayakan sebagai pakar undang-undang juga, beliau diberi amanah mengetuai utusan ke Singapura bagi menghadap Temenggung Ibrahim dengan tujuan memperkuatkan hubungan antara kerajaan. Temenggung Ibrahim kemudiannya telah menyuruh dua puteranya iaitu Tun Abu Bakar dan Tun Abdul Rahman mengikut Raja Ali Haji ke Riau sehingga menyebabkan YDM Raja Ali bin Raja Jaafar sangat gembira lalu mempertemukan mereka dengan Residen Belanda ketika itu iaitu A.L. Andriesse (1839-1848M) bagi berbincang hal-hal kerajaan (Hooker, 1991: 612-613). Pengalaman selama 40 tahun berkecimpung dalam dunia politik menatijahkan harapan masyarakat Melayu yang sangat tinggi terhadap Raja Ali Haji untuk menjadi benteng terakhir hukum Islam dan tradisi Melayu yang cuba dihakis Belanda. Ketokohan beliau dalam politik sendiri diakui oleh pihak Belanda bahkan Netscher dalam catatan pencennya menyatakan bahawa Raja Ali Haji bertindak sebagai pelindung kepada masyarakat Melayu dengan menentang setiap usaha-usaha perubahan ke atas adat istiadat tradisional Melayu yang cuba dicanang oleh Belanda (Muhammad Faisal, 2019: 21).

SELAYANG PANDANG TUHFAT AL-NAFIS

Tuhfat al-Nafis yang bermaksud “anugerah bernilai” merupakan *magnum opus* Raja Ali Haji dan telah mula ditulis pada tahun 1865M sebagaimana dinyatakan Winstedt (1991: 115), “*His Tuhfat al-Nafis, or ‘The Precious Gift,’ was begun in 1865...*”. Hooker (1998: xxi) mempercayai bahawa *Tuhfat al-Nafis* pada asalnya ditulis oleh Raja Ahmad. Setelah Raja Ahmad meninggal dunia, Raja Ali Haji telah menulis semula *Tuhfat al-Nafis* dan bertanggungjawab memperkemas bahasa, gaya dan menambahkan lagi butiran sejarah *Tuhfat al-Nafis*. Menurut Arba’iyah (2015: 85), Raja Ali Haji memang berperanan menulis semula karya *Tuhfat al-Nafis* bahkan menambah fakta-fakta sejarah penting selain memperkemas susunan bahasa dan gaya penulisannya. Tujuan umum penghasilan karya ini menurut Muhd. Yusof (2010: 70-71). ialah untuk memberikan penerangan kepada masyarakat awam tentang hubungan sosiopolitik antara Bugis dan Melayu. Justeru, karya ini dikarang atas keinginan beliau sendiri tanpa pengaruh atau perintah daripada orang lain.

Secara umumnya, kandungan *Tuhfat al-Nafis* terbahagi kepada dua bab iaitu bab pertama yang menyatakan salasilah Raja-raja Melayu dan bab kedua yang mengisahkan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam keturunan Raja-raja Melayu dan Bugis (Hooker, 1998: 4, 46) (Pembahagian ini sebenarnya telah dilakukan oleh Raja Ali Haji sendiri dengan menyatakan, “al-bab al-awwal fi silsilatihim” dan “al-bab al-thani fi sayyaratihim (rujuk cara bacaan yang tepat)” (Hooker, 1998: 4 & 46)). Dalam karya ini juga, Raja Ali Haji turut memaparkan ketokohan datuknya iaitu Raja Haji sebagai seorang tokoh besar Kesultanan Riau-Lingga yang berperanan mendamaikan suasana politik dan mengalahkan musuh. Raja Ali Haji bahkan menggambarkan secara terperinci peristiwa kesyahidan datuk beliau di Teluk Ketapang. Latar tempat, masa dan masyarakat *Tuhfat al-Nafis* pula lebih tertumpu kepada pemerintahan Kesultanan Johor-Riau-Lingga yang merupakan penerus kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka. Secara umumnya, *Tuhfat al-Nafis* merangkumi peristiwa-peristiwa yang berlaku

hampir dalam lingkungan seribu tahun (Muhd Yusuf Ibrahim, 2010: 69). *Tuhfat al-Nafis* juga meliputi sejarah di Johor, Riau, Singapura, Siak, Kalimatan Barat dan Sulawesi Selatan. Penggabungan sejarah dengan semua latar tempat ini dilihat sebagai satu usaha menggabungkan Alam Melayu di bawah satu unit sebagaimana dijelaskan Mohd. Yusof (1994: 115), "... Raja Ali Haji telah cuba menggabungkan entiti Alam Melayu ke dalam satu entiti yang berpusatkan empayar Johor-Riau-Lingga dengan berteraskan keunggulan suku Bugis khasnya dan Melayu amnya."

Perbezaan ketara di antara *Tuhfat al-Nafis* dengan karya sejarah yang lain ialah Raja Ali Haji berusaha menyatakan secara jelas tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sebagai suatu usaha mengabsahkan fakta. Bahkan beliau hanya mengambil sumber rujukan yang bertarikh sahaja sebagai suatu kaedah kutipan data yang dipercayai (Alimuddin Hassan, 2009: 411). Di antara keistimewaan *Tuhfat al-Nafis* yang disebutkan oleh Hooker ialah gaya bahasa yang digunakan oleh Raja Ali Haji dalam menulis *Tuhfat al-Nafis* sangat cergas sehingga pembaca merasakan keterlibatan dalam peristiwa yang diceritakan (Hooker, 1998: xvii). Hooker (1998: xiii) mengungkapkan bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan karya sejarah Melayu "...*paling canggih dan kompleks sebelum abad ke-20M.*" Justeru, tidak hairanlah sekiranya ianya dinamakan sebagai *Tuhfat al-Nafis* yang bermaksud "anugerah bernilai" kerana pencegarahannya yang sangat komprehensif dan dibaluti bahasa yang indah. Zainal Abidin Abdul Wahid mengungkapkan bahawa "...*tidaklah sempurna bagi seseorang itu menulis sejarah negeri-negeri Melayu, terutamanya Johor, Riau dan Selangor kalau buku ini tidak digunakan.*" (Mardiana Nordin, 2001: 77). Bahkan Winstedt (1991: 115) sendiri berkata bahawa "*The Tuhfat is the most important Malay historical work after Sejarah Melayu...*"

ANALISIS UNSUR-UNSUR POLITIK DALAM TUHFAT AL-NAFIS

Politik bukanlah satu elemen yang asing lagi bagi manusia terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam hal-hal pentadbiran. Jika ditinjau dari aspek kandungan *Tuhfat al-Nafis* yang sangat panjang, terdapat beberapa unsur politik diketengahkan oleh Raja Ali Haji sebagai suatu bentuk metodologi untuk menyedarkan pembaca tentang peri pentingnya soal politik diuruskan dengan baik.

Perang Saudara

Menurut Wan Shamsudin sultan (Amir Rullah & Salmah Jan, 2016: 55), pencabarannya terhadap autoriti sultan terutamanya kuasanya merupakan faktor utama yang mengakibatkan perang saudara tercetus walaupun kedua-dua pihak mempunyai pertalian darah. Dalam hal ini, Raja Ali Haji menampilkan peristiwa perang saudara yang berlaku dalam kerajaan Kedah. Peristiwa ini didahului dengan tindakan Raja Kedah Muda yang telah merampas takhta daripada Raja Tua Kedah dan mentadbir negeri tersebut. Raja Kedah Tua kemudiannya telah mengambil satu langkah strategik dengan memohon pertolongan orang-orang Bugis dan menghantar surat kepada Opu Daeng Parani untuk membantunya memerangi Raja Kedah Muda. Setelah diberi keizinan oleh Sultan Sulaiman, maka opu-opu tersebut diketuai Opu Daeng Parani mula berlayar menuju Kedah. Suatu kebijaksanaan yang harus dipuji ialah apabila Opu Dahing Parani sebelum memberi pertolongan kepada Raja Kedah Tua, beliau mencari janji setia dengan

bertanya pendapat dan persetujuan daripada orang-orang Bugis. Peristiwa tersebut digambarkan dalam *Tuhfat al-Nafis* seperti berikut:

“... maka datanglah surat daripada Raja Kedah kepada Opu Dahing Parani hendak minta bantu kerana ia diambil oleh saudaranya yang muda kerajaannya, pada patutnya ialah yang menjadi raja kerana ia yang tua. Syahadan /maka/ dibalas(lah oleh) Opu Dahing Parani surat Raja Kedah itu mengatakan (yang) ia bertangguh hendak balik ke Riau, bermusyawarah dahulu dengan (segala) saudaranya serta baginda Sultan Sulaiman”... “...Syahadan maka opu-opu mengumpulkan segala Bugis-Bugis yang sedia ada memang di dalam Kedah lalu diperiksanya,”Sebelah mana dirimu semua ini, jika aku berperang dengan Raja Kedah yang muda itu kelak?” Maka jawab mereka itu,” Adapun yang patik semua ini tiada(lah) tuan patik semua yang lain melainkan tuankulah adik-beradik”. Maka jawab opu-opu itu, “Baiklah nanti aku hendak melantik Raja Kedah yang tua dahulu menjadi Yang Dipertuan Kedah.” (Hooker, 1998: 83-84).

Setelah mendengar janji setia orang-orang Bugis yang berada di dalam Kedah maka Opu-opu ini mengangkat Raja Kedah Tua sebagai Yang Dipertuan Kedah yang sah sehingga akhirnya menyebabkan Raja Kedah Muda bertindak mengumpulkan bala tenteranya untuk menyerang Raja Kedah Tua. Akan tetapi, baginda tewas setelah kematian sebahagian besar panglimanya akibat peperangan yang sangat panjang.

“Apakala sudah kumpul, lalulah ia pergi melanggar kota raja Kedah yang tuanya itu maka lalulah berperang besar dengan Yang Dipertuan Muda Riau serta saudaranya. Maka sangatlah ramainya sebelah-menyebelah, dengan gegak gempitnya daripada bunyi meriam senapang, dan bunyi bahana sorak tempitnya, maka bermati-matianlah antara kedua belah pihak/nya/itu. Syahdan ada kira-kira sebulan ((lamanya)) ia berperang itu, maka pecahlah perang pihak (sebelah) raja Kedah yang muda(nya, tewaslah ia) kerana (banyak) panglimanya mati (terkerat kepalanya). Maka (alahlah ia), lalu(lah) ia undur (dari dalam Kedah) membawa dirinya kepada tempat yang jauh.” (Hooker, 1998: 84).

Peristiwa ini zahir mencerminkan sudut pandang Raja Ali Haji bahawa seorang pemerintah mesti mengambil keputusan yang benar dalam tindakannya. Ini kerana, ianya akan membawa kesan dalam skala besar memandangan raja merupakan kerusi tertinggi dalam hierarki pemerintahan di Alam Melayu. Peristiwa ini sekaligus menunjukkan pentingnya nilai kebijaksanaan dalam diri pemerintah untuk menguruskan rencam pemerintahan akibat perseteruan yang membawa kepada peperangan. Menurut Khalif Muammar, (2018: 28), pengetahuan yang benar adalah penghalang daripada melakukan keputusan-keputusan yang salah. Hakikatnya, daya siasah yang tinggi itu sendiri merupakan salah satu kemahiran yang mesti wujud dalam diri pemerintah yang adil kerana yang demikian akan memudahkan segala permasalahan dipecahkan (Jelani Harun, 2003: 157).

Hubungan Diplomatik

Dalam peristiwa yang sama, pengkaji mendeteksi unsur diplomatik ketika orang-orang Bugis membantu Raja Kedah Tua. Seperti mana dinyatakan sebelum ini bahawa opu-opu Bugis telah mendapat persetujuan Sultan Sulaiman dan berlayar ke Kedah untuk membantu Raja Kedah Tua memerangi Raja Kedah Muda. Di awal bibit-bibit kerjasama politik di antara opu-opu dan Raja Kedah Tua, pengkaji mendapati bahawa Raja Kedah Tua telah berjanji memberikan sebuah hadiah kepada opu-opu tersebut sebagai tanda permulaan hubungan diplomatik dua hala di antara Kedah dan Bugis. Hadiah tersebut merupakan lima belas bahara wang (Bahara wang biasanya digunakan untuk urusan pembayaran gaji (Tatiana Denisova 2012: 17)) yang dijanjikan sekiranya opu-opu berjaya membantu untuk mendaulatkan semula Kedah daripada ancaman Raja Kedah Muda sebagaimana dinyatakan seperti berikut:

“Maka lalu berjanji Raja Kedah dengan opu-opu itu apabila hasil maksudnya (itu) maka ia/ pun hendak/ memberi hadiah kepada opu-opu itu (yang membantunya) lima belas bahara wang. Maka jawab opu-opu itu, “Mana-mana suka Raja Kedah, kerana saya semua ini ke mari tiada lain hanyalah/ akan /menolong Raja Kedah jua adanya.” (Hooker, 1998: 83).

Bertitik tolak dari sinilah, satu hubungan dibina di antara Bugis dan Kedah atau lebih dikenali kini sebagai satu ikatan kerjasama politik yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Menurut Salmah Jan (2018: 100), hubungan diplomatik biasanya dijadikan helah untuk tujuan mengekalkan atau meluaskan pengaruh. Tambahan pula, hubungan diplomatik ini berupaya mencipta komuniti keselamatan, keamanan dan kerjasama sehingga menguntungkan kedua-dua belah pihak (Salmah Jan, 2018: 101). Menerusi petikan di atas, terbukti bahawa hubungan diplomatik di antara Raja Kedah Tua dan Opu Bugis telah mendatangkan keuntungan kepada Raja Kedah Tua dengan pengekalan kekuasaannya. Malahan, Bugis juga telah mendapat keuntungan hasil bantuannya dalam bentuk wang. Jadi, ianya dilihat memberi faedah yang besar kepada Raja Kedah Tua dan orang-orang Bugis sendiri.

Perebutan Kuasa

Perebutan kuasa merupakan suatu penanda aras kepada keadaan politik yang sering kali menimbulkan polemik dalam sesebuah pemerintahan. Hal ini memungkinkan pelbagai natijah seperti konflik berdarah, pembunuhan, rampasan takhta dan lain-lain lagi. Sehubungan itu, perebutan kuasa tercusus apabila sebelah pihak cuba mengekalkan haknya sebagai pemerintah dan sebahagian lagi memasang impian untuk merampasnya (Amir Rullah & Salmah Jan, 2016: 54). Pengarang *Tuhfat al-Nafis* memaparkan beberapa siri perebutan kuasa dan salah satunya ialah perebutan kuasa di antara Tengku Mahmud dengan Raja Alam dalam Kerajaan Siak. Ianya berlaku setelah Tengku Mahmud mempersoalkan kelayakan Raja Alam yang dilantik bapanya (Raja Kecik) untuk memerintah Siak. Perebutan yang membawa kepada perseteruan ini menurut Raja Ali Haji semakin hari situasi tersebut semakin meruncing dan hal ini dapat dilihat seperti petikan di bawah:

“Sebermula adapun Raja Kecik lepas daripada (perang) melanggar Riau (sekali) itu maka berubahlah akalnya tiada(lah) tentu memerintahkan /negeri Siak dan/ kerajaannya (lagi), lalu diserahkannya kepada anaknya Raja Alam memerintahkan negeri Siak...”

“Syahdan di dalam hal itu antara anaknya (yang berdua) itu, selalu berbantah beratas-atasan. Maka kata Raja Alam, “aku yang tua dan aku (yang) patut menjadi raja”, dan kata Tengku Mahmud, “aku yang patut menjadi raja, kerana aku anak/terlebih utama/ kerana aku anak (yang gahara.” Maka di dalam hal itu mangkin sehari mangkin bertambah (besar) kharabatah (nya), (mangkin sehari mangkin bersebelahan) orang-orang (di dalam negeri) Siak. Ada yang setengah/nya/ kepada (pihak) Tengku Mahmud, dan ada yang setengahnya kepada pihak Raja Alam, menjadi bergaduh (juak-juaknya) sama juak-juak. Ada yang berkelahi dan yang berbantah berpukul-pukulan, ada yang bertikam bermati-matian, mangkin sehari mangkin besar, seumpama api mangkin bernyala...” (Hooker, 1998: 114-115).

Kesan daripada perebutan kuasa ini bukan sahaja membantutkan pentadbiran dan pemerintahan negeri Siak malahan turut memberi impak negatif kepada rakyat yang sangat memeritkan rakyat biasa. Perihal ini sebenarnya telah dirakamkan oleh Raja Ali Haji dalam perebutan kuasa di antara Tengku Mahmud dan Raja Alam sehingga rakyat Siak terpaksa menanggung malapetaka seperti berikut:

“Maka huru-haralah negeri, apalagi orang miskin kesusahanlah hendak mencari kehidupan, sebab negeri gaduh masing-masing asyik dengan memelihara (kan) kampung halamannya dan rumah tangganya dan anak isterinya, takut (ia) dicabuli oleh juak raja-raja itu, kerana (antara) kedua pihak itu seolah-olah sama risau”.

“Syahadan di dalam hal itu, maka bertambah-tambahlah keduanya mengikut hawa nafsunya, Maka lalulah jadi bersebelahan antara kedua pihak, maka lalulah berperang di dalam negeri (dan) beramuk-amukan dan berbunuh-bunuhan. Maka huru-haralah negeri Siak.” (Hooker, 1998: 115).

Menurut Norazimah (2013: 42), Tengku Mahmud yang merupakan anak gahara adalah lebih berhak mendapat kedudukan sebagai pewaris kuasa berbanding abangnya Raja Alam. Anak gahara itu sendiri merujuk kepada anak yang lahir dari susur-galur raja yang tulen (bapa dan ibu) (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai pada 18 Sep 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=gahara>). Raja Ali Haji dalam konflik ini menunjukkan kesan-kesan yang timbul hasil pertikaian kuasa di antara dua saudara diraja tersebut. Keadaan Siak yang digambarkan huru-hara jelas menjadi penanda aras kepada pentingnya urusan politik ditangani dengan bijaksana agar masyarakat tidak terkena tempias yang luar biasa.

Musyawarah

Musyawarah adalah satu prinsip yang penting dalam pentadbiran di Alam Melayu. Malahan, prinsip ini telah diaplikasikan sejak zaman baginda S.A.W. lagi. Menurut Muhammad Syukri (1986: 12), musyawarah adalah suatu asas kaedah pembuatan keputusan terhadap satu perkara yang melibatkan semua pihak yang berkenaan. Alhasilnya, keputusan yang dibuat akan memberi impak yang besar akibat berlakunya percambahan idea dalam sesuatu perbahasan daripada pelbagai pihak. Ini disokong oleh Syarkawi yang menyatakan beberapa tujuan daripada musyawarah di antaranya ialah hasil keputusan mesra *maslahat* umum serta menghindari keputusan pemerintah secara sewenang-wenangnya tanpa mempersoalkan kesan dan impak daripada keputusan tersebut (Syarkawi, 2012: 89). Menurut Khalif Muammar (2018: 51), salah satu daripada gambaran orang beriman ialah orang yang mengamalkan syura yakni dengan berbincang untuk mencari kesepakatan. Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut bukan bermakna ianya sama seperti konsep *meeting* di mana majoriti sokongan sebagai penentu. Sebaliknya ia berdasarkan suara majoriti yang bertunjangkan ilmu, hikmah, hujah dan dalil (Khalif Muammar, 2018: 52). Oleh sebab itu, Raja Ali Haji mlarang bermusyawarah dengan orang jahil, orang yang berseteru, orang yang dengki, riya', penakut, bakhil, orang yang bersekedudukan dengan perempuan dan yang menuruti hawa nafsunya kerana ianya akan membawa kecacatan pada keputusan yang diambil (Wan Mohd Shaghir, 2014: 41).

Pengarang *Tuhfat al-Nafis* dalam unsur ini memberikan satu kisah bersifat pengajaran sebagai akibat pengabaian konsep musyawarah. Ini digambarkan melalui watak Pangeran Dipati yang telah melemparkan fitnah bagi menghelahkan wang namun tidak bermusyawarah terlebih dahulu dengan menteri-menterinya sehingga mengakibatkan negeri mereka diserang Yang Dipertuan Muda Riau seperti petikan di bawah:

“Syahadan adapun Pangeran Dipati serta anaknya Raden Jaga itu, (maka) apabila ia dapat khabar (akan) Yang Dipertuan Muda Riau sudah datang (ke sebukit) dan Ratu Bagus sudah menjadi Pangeran Emas (Seri Negara), maka ia minta musyawarah kepada segala menteri-menterinya (dan hulubalang). Maka jawab mereka itu, “Adapun yang patik apa titah (perintah) saja, akan tetapi pada perasaan patik tentulah kita (semua ini) alah, kerana empat buah negeri yang kita lawan (bermusuh). Inilah pekerjaan (tiada difikirkan daripada mulanya pekerjaan) anakanda dengan buta tuli tiada dengan musyawarah (dan muafakat) dengan orang tua-tua,(inilah jadinya). Setelah Pangeran Dipati mendengar sembah segala menteri-menterinya itu, (maka) ia pun terdiam sejurus, sebab sesak ia memikirkannya...” (Hooker, 1998: 104).

Walaupun peristiwa tersebut berkonotasi negatif, pengkaji berpendapat bahawa Raja Ali Haji seolah-olah menerapkan unsur kesedaran akan peri pentingnya musyawarah dalam setiap perbuatan. Akibat pengabaianya telah memberi kesan yang buruk kepada Pangeran Dipati dan diperihalkan dengan keadaan sesak atau tertekan atas kekhilafannya. Penekanan yang sama turut diterapkan dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah* di mana beliau memetik kata-kata hukama untuk menggambarkan peri penting musyawarah dalam urusan pentadbiran “...dan

barang siapa diberi mushawarah tiada ditegahkan kebenarannya". (Wan Mohd Shaghir, 2014: 41).

Sumpah Setia

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, perkataan baiah bermaksud "perakuan sumpah setia kepada individu yang mempunyai atau diberikan kuasa" (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, dicapai pada 1 Jun 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=BAIAH>). Baiah juga merujuk kepada kesetiaan tidak berbelah bahagi dan persetujuan untuk memberikan sokongan dan kehidupannya terhadap orang yang dibaiah (Ismail Mamat & Anuar Al-Sadat, 2017: 271). Menurut Wan Mohd Yusof et. al., (2017: 327), baiah terkait dengan sumpah setia di antara satu pihak dengan satu pihak yang lebih berkuasa. Justeru, perlaksanaanya dalam politik akan menyebabkan satu pihak mematuhi kehendak satu pihak lagi (Wan Mohd Yusof, 2017: 327). Dalam *Tuhfat al-Nafis*, hal ini dapat dilihat apabila penghulu Linggi bertindak memberi sumpah setia kepada raja Bugis. Ini berlaku setelah Raja Kecik ditewaskan oleh orang-orang Bugis di Linggi. Raja Kecik bahkan kemudiannya telah melarikan diri ke Siak dan peristiwa ini tersurat seperti berikut:

"Syahdan Adapun Raja Kecik masuklah (ia) ke dalam Siak, lalu(lah) ia membuat negeri dan ((membuat)) kubu di Buantan, serta mengatur(kan) penjajab (Menurut Norain (2012: 235), penjajab ialah sejenis kapal perang milik orang-orang Bugis), takutkan opu-opu itu (jikalau) datang melanggar..."

"Sebermula apabila sudah dilihat(nya) kelengkapan Raja Kecik sudah berlayar ke Siak, maka penghulu Linggi itu pun tunduklah kepada Bugis, maka dapatlah Linggi itu kepada tangan opu-opu itu. Maka lalu bersetia(lah) dan berjanji penghulu Linggi dengan raja Bugis tiada menderhaka kepada raja(-raja) Bugis dan tiada khianat (lagi) selama-lamanya kepada opu-opu itu hingga hari yang di belakang..." (Hooker, 1998: 76-77).

Unsur politik ini dilihat telah digunakan oleh Penghulu Linggi sebagai jalan untuk menyelamatkan Linggi. Baginya, Linggi tidak mempunyai potensi untuk menang menentang opu-opu Bugis kerana Raja Kecik telah berlayar ke Siak. Keadaan ini juga mencerminkan kebijaksanaan dan daya siasah tinggi penghulu Linggi kerana berjaya mengembalikan keadaan Linggi seperti sediakala kerana sumpah setia tersebut berperanan menghentikan perperangan.

Usul Periksa Sebelum Mengambil Keputusan

Menurut Khalif Muammar (2018: 29), Raja Ali Haji sangat menekankan ketelitian pemimpin sebelum membuat keputusan terutamanya dalam setiap aduan yang diterima. Perkara ini begitu signifikan dalam ses sebuah pemerintahan kerana pengabaianya memungkinkan ketergelinciran dalam membuat keputusan sehingga mungkin menzalimi orang lain. Menurut Jelani Harun (2003: 158-159), sifat-sifat buruk perlu dibuang daripada diri pemerintah kerana perilaku demikian pada akhirnya hanya menyemarakkan api kebencian dalam hati rakyat. Dalam *Tuhfat Al-Nafis*, Raja Ali Haji telah mengkritik tindakan Raja Iskandar Syah yang telah membunuh

gundiknya dengan menyatakan, “padahal pekerjaan itu tiada usul periksa lagi.” Gundik kesayangannya telah difitnah mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain sebagaimana dinyatakan seperti berikut:

“Maka difitnahkan oleh seorang daripada gundiknya (Raja Iskandar Syah kepada Raja Iskandar Syah) mengatakan gundik baginda anak penghulu bendahari bermukah dengan seorang laki-laki. Maka murkalah Raja Iskandar Syah (itu) akan gundiknya anak penghulu bendahari (itu), lalu disuruhnya akan seorang membunuh(nya). Kemudian disuruhnya pula pancungkan di hujung pasir, padahal pekerjaan itu tiada usul periksa lagi.” (Hooker, 1998: 6).

Keadaan ini telah menyebabkan dampak negatif kepada pemerintahan Raja Iskandar Syah kerana bapa gundiknya, Sang Rajuna Tapa telah menyimpan dendam. Sang Rajuna Tapa pada akhirnya menghubungi kerajaan Majapahit untuk melangsaikan hutang dendamnya. Raja Iskandar Syah kemudian terpaksa melarikan diri ke Melaka setelah diserang Raja Majapahit. Raja Ali Haji dalam Thamarat al-Muhimmah turut memberi peringatan akan perbuatan tergopoh-gopoh dalam urusan pentadbiran, “Maka inilah sebab ditegahkan gopoh, apa lagi gopoh pada menerima perkataan orang yang tiada adil, maka iaitu sangatlah memberi mudharat kepada Raja-raja dan Orang-orang Besar kerana orang yang tiada adil dan orang yang fasiq-fasiq itu ghalib perangainya, kurang malunya” (Wan Mohd Shaghir, 2014: 75). Jadi jelas bahawa, sangat signifikan bagi seorang pemerintah memperhalusi setiap tindakan terutamanya apabila terkait dengan perlaksanaan hukuman terhadap orang yang dipimpinnya.

Mempertahankan Kesucian Agama

Sebagaimana diketahui raja atau sultan merupakan gelaran pemimpin yang sering digunakan di Nusantara. Gelaran ini merujuk kepada seorang pemimpin tertinggi yang berperanan sebagai pelindung kerajaan dan menjaga kesejahteraan rakyat serta kesucian agama (Norain Ismail, 2012: 87). Bagi Raja Ali Haji, kerajaan yang adil dan mendaulatkan kesucian agama tidak dapat dicapai tanpa penekanan terhadap kepentingan sifat-sifat berakhlek dalam kalangan para raja (Khalif Muammar: 2018, 40). Tanpa sifat-sifat ini, seorang raja tidak mungkin akan memahami tugas serta menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Menurut Jelani Harun (2016: 227), Raja Ali Haji berpandangan bahawa kekuatan agama dan sikap adil dalam diri seorang raja merupakan syarat asas bagi mewujudkan sebuah negara yang baik di mana seorang pemimpin mampu menjalankan tugas-tugasnya dengan baik. Kedudukan tinggi seorang pemerintah juga bukan sekadar menjadi ketua kerajaan sebaliknya memikul amanah daripada Allah (Jelani Harun, 2003: 151). Pada akhirnya, segala amanah yang dipertanggungjawabkan itu akan kembali disoal dan diberi balasan oleh Allah. Salah satu tugas pemerintah Islam adalah memelihara kesucian agama daripada diselewengkan oleh ajaran-ajaran sesat. Bahkan seorang raja berperanan melaksanakan jihad menentang golongan-golongan kafir dan golongan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang hakiki (Harussani Zakaria, 2014 :51).

Tinjauan pengkaji mendapati beberapa contoh akhlak mulia raja-raja ditampilkan dalam *Tuhfat al-Nafis* dan kesan positifnya terhadap masyarakat terjana hasil daripada kesedaran atas tanggungjawabnya. Misalnya, YDM Raja Jaafar ditampilkan sebagai satu watak yang

beragama dan memiliki nilai akhlak yang sangat tinggi. Baginda dinyatakan sebagai seorang yang baik perangainya serta suka menuntut ilmu seperti membaca kitab dan mencintai para ulama. Alhasilnya, baginda telah berperanan besar dalam mempertahankan kedaulatan ajaran Islam serta mewujudkan keamanan di Riau. Salah satunya, Raja Jaafar berperanan dalam membanteras ajaran sesat Lebai Tamat seperti dinyatakan di bawah:

“...maka datang seorang Lebai (orang bangsa) Minangkabau ke negeri Lingga, namannya Lebai Tamat. Maka mengaku dirinya orang alim pada ilmu/-ilmu/ hakikat ((mengajarlah ia akan setengah orang-orang Lingga dan lebai-lebai Lingga akan ilmu hakikat)) konon, dinamakannya ilmunya itu Isa konon, dan banyaklah perkataan shathiyat, hingga akhir-akhir pekerjaannya jatuh seperti iktikad mulhid mengaku dirinya Allah Ta’ala. Maka banyaklah muridnya mengikut iktikad itu serta sehari-sehari berkumpullah orang-orang kepadanya, setengah orang mengatakan ia keramat”. (Hooker, 1998: 322).

Reaksi YDM Raja Jaafar dapat kita jangkakan memandangkan baginda merupakan seorang pemerintah yang taat kepada agama. Secara drastik, baginda telah mengambil langkah bagi membendung ajaran sesat ini sebagaimana dinyatakan dalam petikan di bawah:

“Maka murkalah Yang Dipertuan Muda (itu). Maka lalu lebai itu dengan segala muridnya ditaubatkan serta ditakzir digondolkan kepalanya.” (Hooker, 1998: 322-323).

Walaupun demikian, Lebai Tamat kemudiannya telah berpindah ke Lampung dan mengaku bahawa dirinya sebagai Raja Haji *fi sabilillah* pula. Semakin hari, semakin ramai pula orang-orang yang percaya bahawa dirinya merupakan Raja Haji, bahkan segelintir mereka telah memuja dan menyembahnya. Setelah itu, Lebai Tamat turut berjaya melepaskan diri daripada serangan YDM Raja Jaafar dengan melarikan diri ke Inderagiri atas bantuan Raja Idris. Akan tetapi setelah menggunakan pelbagai tipu muslihat, Lebai Tamat akhirnya berjaya ditangkap dan dibunuh:

“Maka apabila hampir ke darat maka ditangkaplah oleh orang yang disuruh (oleh) Yang Dipertuan Muda dan itu lalu(lah) diikat dan didepang tangannya. Kemudian lalu disuruh(nya) bunuh dikerat kepalanya dikirimkan (ke Lingga) kepada (baginda) Sultan Mahmud di Lingga. Maka habislah kisah(nya) Lebai Tamat itu.” (Hooker, 1998: 325).

Oleh yang demikian, Raja Ali Haji memotretkan peri pentingnya keadaan beragama dalam diri pemerintah sebagai asas untuk menyedari tanggungjawab menjaga kesucian agama di wilayah kekuasaannya. Tanpa nilai beragama, seorang pemimpin tidak akan dapat memahami tanggungjawab serta tugasnya. Jelani Harun (2003: 152) menyatakan, seorang raja yang beriman akan berusaha sedaya-upaya bagi membendung masyarakatnya daripada amalan-amalan yang buruk. Tampak jelas bagi Raja Ali Haji bahawa menjaga kesucian agama merupakan tanggungjawab pemerintah yang mesti diuruskan dengan baik. Tanpa pengendalian

yang baik, berkemungkinan kesucian agama akan tercalar termasuklah dengan cara berleluasanya ajaran-ajaran yang menyeleweng secara terbuka.

KESIMPULAN

Unsur-unsur politik yang dipaparkan oleh beliau telah memperlihatkan peri pentingnya kerajaan ditadbir urus dengan betul dan selaras dengan ajaran Islam. Keadaan negara yang dinukilkannya sama ada berkonotasi positif atau negatif seolah-olah memberi bayangan bahawa asas kepada segala kedamaian dan keharmonian adalah penerapan agama, moral dan kebijaksanaan pemerintah dalam menguruskan hal-ehwal politik kerajaan. Unsur-unsur politik yang terdapat dalam naratif karya ini menggambarkan bahawa ianya boleh memberi impak positif dan negatif. Justeru, setiap unsur-unsur politik yang terdapat di dalam *Tuhfat al-Nafis* ini wajar diberi perhatian penting dalam usaha mewujudkan sebuah negara yang sejahtera. Sorotan unsur-unsur ini jelas menggambarkan bahawa urusan mengendali, mengurus dan mentadbir negara yang mapan memerlukan kebijaksanaan dalam mengendalikan politik terutamanya dalam menguruskan sesuatu masalah sama ada berkait dengan konflik, perperangan, perebutan kuasa, aduan, membuat keputusan atau membendung ajaran-ajaran menyeleweng.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don. (2005). Integrasi Politik dan Dakwah. Dalam Zulkiple Abd. Ghani & Mohd. Syukri Yeoh Abdullah (Ed.). *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia* (pp.13-19). Seri Kembangan: Loh Print Sdn. Bhd.
- Alimuddin Hassan. (2009). Historiografi Melayu: Kajian Atas *Tuhfat Al-Nafis* Karya Raja Ali Haji. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 8(2), 396-431.
- Amir Rullah dan Salmah Jan. (2016). Kemelut Politik Zaman Kesultanan Melayu dalam *Tuhfat al-Nafis. International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 4(2), 51-60.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2015). Pemikiran Sejarah Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis* Karya Ulung Kesultanan Johor-Riau-Lingga. Dalam Arba'iyah Mohd Noor dan Mohd. Hanafi Ibrahim (Ed.). *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu abad ke-19* (pp. 80-109). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denisova, Tatiana A. (2012). Malay Islamic Historiography (ca. XIII–XIX) Regarding Finance and Taxes in the Malay World. *Asian Journal of Social Science* 40(1), 1-27.
- Ghazali Mat Taib. (2012). *Pertimbangan Hukum Syarak dalam Menentukan Pendirian Politik: Kajian dalam Kalangan Penduduk Daerah Pasir Mas Kelantan*. [Tesis Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya].
- Harussani Zakaria. (2014). Tanggungjawab Raja dalam Menjaga Agama. *Prosiding Seminar Institusi Raja (SIRaj II): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis, Universiti Malaysia Perlis* (pp. 45-56). Perlis: Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, UniMAP.
- Hooker, Virginia Matheson. (1989). Pulau Penyengat: Nineteenth Century Islamic Centre of Riau. *Archipel 37, Villes d'Insulinde* II, 153-172.

- Hooker, Virginia Matheson. (1991). *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam* (terj. Ahmad Fauzi Basri). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, Virginia Matheson. (1998). *Karya Agung: Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan Malaysia.
- Ismail Mamat dan Anuar Al-Sadat Haji Noor. (2017). A Model of Islamic Leadership Based on Hasan Banna's Writings. *Journal of Education and Social Sciences* 8(1), 269-274.
- Jan van der Putten dan Al-Azhar. (1995). *Di dalam Berkekalan Persahabatan: "In Ever Lasting Friendship": Letters from Raja Ali Haji*. Leiden: Department of Languages and Culture of South-East Asia and Oceania, University of Leiden.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2016). *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Khalif Muammar Harris. (2018). *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Huraian Terhadap Thamarat al-Muhimmah dan Muqadimmah fi Intizam al-Wazaif al-Muluk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardiana Nordin. (2001). Raja Ali Haji dan *Tuhfat al-Nafis*. *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*, 29(1), 74-92.
- Marzuki. (2019). Prinsip-prinsip Politik Islam. *Jurnal al-Harakah*, 2(2), 69-83.
- Matlob Zam Ismail. (2002). *Imbasan Peristiwa Bersejarah Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Muhammad Faisal. (2019). *Etika Melayu: Pemikiran Moral Raja Ali Haji*. Bintan: Stain Sultan Abdurrahaman Press.
- Muhammad Syukri Salleh. (1986). Pendekatan Musyawarah Dalam Pembangunan: Satu Pengucapan Awal. Dalam *Nadi Islam: Koleksi Risalah-Risalah Islam* (pp. 12-16). Pulau Pinang: Pusat Islam dan Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Sains Malaysia.
- Muhd Yusof Ibrahim. (1994). *Pensejarahan Melayu 1800-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim. (2010). *Sejarawan dan Persejarahan Melayu: Warisan &Kesinambungan*. Kinrara: Tinta Publisher.
- Norain Ismail. (2012). Peperangan Dalam Historiografi Johor: Kajian Terhadap *Tuhfat Al-Nafis*. [Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur].
- Norazimah Zakaria. (2013). Hikayat Melayu @ Sejarah Melayu "Long Version" Versi Tengku Said: Satu Kajian Teks Sastera Sejarah. *Jurnal Melayu* 8, 36-48.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (t.t.). Entri "Baiah". Dicapai pada 1 jun 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=BAIAH>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (t.t.). Entri "Gahara". Dicapai pada 18 Sep 2021, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=gahara>.
- Raja Hisyamudin dan Bharuddin Che Pa (2012). Penggunaan Ayat-Ayat Al-Qur'an oleh Raja Ali Haji di dalam Karya Beliau Thamarat al-Muhimmah. (*Makalah, The 2nd Annual International Qur'anic Conference, Shah Alam, Selangor*).
- Riddell, Peter. G. (2001). *Islam and the Malay-Indonesian World*. London: C.Hurst & Co.

- Salmah Jan Noor Muhammad. (2018). Implikasi Hubungan Diplomatik Terhadap Kerajaan Melaka dan Kedah Berdasarkan Naskhah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 6(2), 99-107.
- Syarkawi. (2012). Implementasi Musyawarah Menurut Nomokrasi Islam. *Jurnal LENTERA* 12(1), 87-90.
- Syed Ahmad Hussen. (1994). *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Penerbit Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2014). *Thamarat al-Muhimmah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohd Sufian Moktar, Ahmad Faizol Ismail, Mohamad Zaidin Mohamad & Abdul Wahid Salleh. (2017). A Comparative Analysis of Bay'ah during The Time of Prophet S.A.W. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(8), 325-339.
- Winstedt, R.O. (1986). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Winstedt, R.O. (1991). *A History of Classical Malay Literature* (Y.A. Talib, Ed.) Kuala Lumpur: Malaysia Branch Royal Asiatic Society..
- .